

Southern Marina Development Sdn Bhd's

Personal Data Protection Notice

1. This Personal Data Protection Notice ("**Notice**") sets out how Southern Marina Development Sdn Bhd (collectively "**SMD**", "**we**", "**us**" or "**our**") process your personal data in respect of commercial transactions in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**") and other applicable laws of Malaysia. The terms "personal data", "processing" and "commercial transactions" used in this Notice shall have the meaning prescribed in the PDPA.
2. By providing your personal data to us, you are consenting to the collection, use and processing of your personal data as described in this Notice. We may also process your personal data if, and to the extent, permitted by law.
3. We may modify this Notice at any time at our sole discretion, and such modification shall be effective immediately upon being published on our website (https://www.southernmarina.com.my/wp-content/themes/southern-marina/assets/pdf/SMR_PrivacyPolicy.pdf) and/ or made available through other reasonable means, such as at our sales offices or via direct communication. You agree to review this Notice periodically to be aware of such modifications, and you accept and consent to be bound by the modified Notice.
4. If you are under the age of 18, you must ensure that your parent or legal guardian consent to the processing of your personal data by us as described in this Notice. If you are a minor who has engaged with our products or services with the consent of your parent or legal guardian and have since reached the age of 18, you acknowledge and agree to the terms of this Notice by continuing to use our products or services.

5. **Are you subject to this Notice?**

This Notice applies to you if:

- 5.1 You are a customer and/ or prospective customer; or
- 5.2 You are a family member of a customer whose personal data is processed in the course of providing services to a customer; or
- 5.3 You enquire about our products and/ or services, participate in our promotional events and/ or contests, use our website, visit or access any relevant premises/ facilities owned, operated or managed by us, SMD's Affiliates (defined in paragraph 7.1(c) below) or on our behalf ("**Our Premises**"); or

(collectively referred to as "**Customers**")
- 5.4 You apply for employment with SMD (referred to as "**Job Applicants**") or are a family member of a Job Applicant whose personal data is processed in the course of applying for employment with us.

6. **Types of personal data**

"**Personal data**" is defined in the PDPA and refers to any information that relates directly or indirectly to you, from which you may be identified.

6.1 **Customers:**

The personal data collected and/ or voluntarily provided by you during your course of dealings with us in any way or manner including pursuant to any commercial transactions and/ or communications made from/ with us such as at events organised or participated by the SMD, in our forms, agreements, website, and/ or other similar documents may include:

- (a) Your personal details (such as name, age, date of birth, gender, a copy of Malaysian National Registration Identification Card ("**NRIC**"), NRIC number, a copy of passport,

passport number, a copy of marriage certificate, bank account details, credit card details, loan details, race, ethnic origin, nationality and photo);

- (b) Contact details (such as address, email and phone numbers);
- (c) Family information (such as marital status, name of spouse or child or immediate family);
- (d) Occupation details;
- (e) Photographs and CCTV images and recordings;
- (f) Name of internet service provider, the website from which you visit our website, the pages and content which you view, the date and duration of your visit, cookies to track usage patterns, etc from the analytics tools such as Google Analytics; and
- (g) Any other personal information provided by you regardless of whether such information is provided at SMD's request.

6.2 **Job Applicants:**

- (a) Personal details including your name, age, phone number, email address, address, NRIC number, passport number, copy of your identity card or passport, nationality, gender, religion, race;
- (b) Family information such as marital status, details of your family members and next of kin;
- (c) Employment related information such as employment history, your job title or position, your employment location, role description, date of employment, employment references;
- (d) Sensitive personal data including your religious beliefs, details of your physical or mental health or condition, political opinion and criminal conviction records;
- (e) Your image via CCTV cameras in Our Premises; and
- (f) Any other information provided by you in your resume or curriculum vitae.

7. **Purposes for the processing of your personal data**

SMD will process your personal data, including any additional information you may subsequently provide, for the following purposes ("**Purposes**"), which include:

7.1 **Customers:**

- (a) Providing you with our product and/ or service, including:
 - (i) Preparing and executing all necessary documents and agreements with you (including but not limited to sale and purchase agreements, deed of mutual covenants, tenancy agreements, etc) and carrying out the obligations under the agreement;
 - (ii) Liaising with your bank agent with regards to the financing taken by you to purchase our products;
 - (iii) Liaising with your insurance agency to ensure that you are adequately covered by the relevant insurance;
 - (iv) Conducting background check of yourself with the relevant financial institution and credit reference/ reporting agencies;
 - (v) Conducting and administering our business such as for sales administration or property management purposes;
- (b) Maintaining records of our customers and prospective customers and for our internal record keeping;

- (c) Communicating with you regarding (i) any events or activities organised by SMD or its holding company, related companies, subsidiaries (if any), affiliates or associates ("**SMD's Affiliates**") or business partners; or (ii) payments; or (iii) your inquiries and complaints or to resolve disputes;
- (d) Delivering notices and information in connection with our current and future services or products and the marketing of such services or products as well as new product launches, events, promotional events and contests, subject to your right to opt-out;
- (e) Those purposes incidental to the commercial transaction entered with SMD for the provision of any product and/ or service offered by us or SMD's Affiliates;
- (f) Conducting marketing, client profiling and business development activities as well as market research and statistical analysis and customer surveys regarding our projects, products and/or services;
- (g) Granting access to any relevant premises/ facilities, including without limitation to Our Premises;
- (h) Complying with legal or regulatory requirements, including:
 - (i) Regulatory compliance, including adherence to industry regulations, such as those related to data protection, consumer protection, and anti-money laundering;
 - (ii) Law enforcement cooperation, including assisting law enforcement agencies in investigations, as required by law; and
 - (iii) Dispute resolution, including resolving disputes with customers and our partners,
- (i) Ensuring your safety including that of our other customers/ patrons;
- (j) Run our company's loyalty programmes where applicable;
- (k) Where you have consented or we are otherwise permitted to do so:
 - (i) to communicate with you and deliver information that is requested by you to you and/ or, in some cases, is targeted to your interests, such as targeted banner advertisements, administrative notices, product offerings, and communications relevant to your use of our website;
 - (ii) to notify and/ or invite you to events or activities organized by us, SMD's Affiliates, our partners or sponsors;
 - (iii) to notify you about benefits, changes to the features, promotions, alerts, newsletter, updates, promotional materials and, special privileges;
 - (iv) to send you festive greetings;
 - (v) to conduct marketing and promotional activities (for example, contests, market research and surveys, taking images and videos of you in Our Premises);
 - (vi) to conduct an analysis of our customers to ensure we send you the most appropriate and relevant marketing and promotional materials; and
- (l) Any other purposes relating or incidental to any of the above.

7.2 **Job Applicants:**

- (a) To evaluate your suitability for the position applied for at SMD, for the general record keeping purposes of the Human Resource Department;
- (b) For any background checks on job applicants, including but not limited to education verification, previous employment record checks, reference checks, bankruptcy history, and/ or criminal background screening; and

- (c) Other purposes relating or incidental to employment with SMD, whether or not you are subsequently employed.

8. **Source of your personal data**

Your personal data is collected from you when you:

8.1 **Customers:**

- (a) Communicate with us (for example when you submit a request form with your personal data or when you contact us with any enquiries);
- (b) Use our products and/ or services;
- (c) Participate in any of our survey, promotion, competition, contest or loyalty program organised by us;
- (d) Respond to any marketing materials we send out;
- (e) Visit Our Premises (including through recordings via CCTV);
- (f) Browse our websites or visit any other platforms owned by us and from the cookies embedded on our website, or any other related tracking mechanism that may be deployed by us from time to time;
- (g) Interact with us via emails and our social media platforms;
- (h) Register interest with us on our website;
- (i) Lodge complaints with us; and
- (j) Provide feedback to us.

8.2 **Job Applicants:**

- (a) Use or interact with us on our websites;
- (b) Submit information to us or when you contact us for information; and
- (c) Apply for employment.

Other than the personal data we obtain from you (as detailed above), we may also obtain your personal data from third parties we deal with or are connected with you (for example, credit reference/ reporting agencies), and from such other sources where you have given your consent for the disclosure of personal data relating to you, and/ or where otherwise lawfully permitted.

9. **Class of third parties to whom SMD discloses your personal data**

The classes of persons to whom SMD may disclose your personal data include but are not limited to:

- (a) SMD's Affiliates;
- (b) SMD's lawyers or auditors;
- (c) Any person or party that acts as the agents, contractors, service providers and/ or professional advisers of SMD;
- (d) Both our and your authorised lawyers, financier, financier's lawyers, legal representative and/ or such other parties that are involved;
- (e) The relevant landowner, joint management body, management corporation and/ or residents' association;
- (f) Regulatory bodies, government agencies, the police, law enforcement bodies and courts, both within and outside Malaysia;

- (g) Your insurers;
- (h) Credit reporting agencies and background check agencies;
- (i) Other third parties for any of the Purposes;
- (j) Third party service provider(s) for the provision of administrative, communications, payment, event management, security, information technology (IT), data processing, cloud hosting services or other services to us/ SMD's Affiliates; and
- (k) Such persons or bodies to whom SMD is legally required to disclose to.

10. **Transfer of your personal data to places outside Malaysia**

SMD may, where necessary, transfer your personal data to a place outside Malaysia if the classes of persons in paragraph 9 above are located or have processing facilities in countries outside of Malaysia. Your personal data may be transferred to any place outside Malaysia for any of the above Purposes. You consent to us transferring your personal data to a place outside Malaysia in these instances. We may also transfer your personal data to places outside Malaysia where permitted by law.

11. **Your right to access, correct and transmit your personal data**

You have the right to request access to personal data in our possession, or to correct such personal data.

You may also request for your personal data to be transmitted to another entity subject to our technical capability, feasibility and compatibility with the receiving entity.

You may make such request by contacting us in writing using the details set out below.

We may decline to comply with your data access, data correction, or data portability request, but we will notify you of the reasons for not being able to do so.

12. **Your right to exercise choices over your personal data**

You may exercise your choice to limit the use or the extent of use of your personal data and personal data relating to other persons who may be identified from that personal data, subject always to our contractual rights and/ or our rights and obligations under relevant laws and regulations.

You may also withdraw your consent to the processing of your personal data. However, withdrawing your consent may affect our ability to provide you with certain products and/ or services, or prevent us from communicating or continuing to communicate with you, or affect the evaluation of your employment application.

Notwithstanding the foregoing, we reserve our rights to rely on any statutory exemptions and/or exceptions to collect, use and disclose your personal data.

You are to put your requests in writing for security reasons and verification purposes.

You may make the above requests by contacting us using the details set out below.

13. **Personal data of minors**

For your child to participate in our promotions, contests or other relevant activities, or where you provide your child's personal data in connection with our products and/ or services or your employment application, we may need to collect, use, disclose and process your child's personal data as described in this Notice.

We may also collect information as described in the Notice such as your contact details including your name, identification number, mobile number or email address, in order to verify your status as the parent or legal guardian and to request your consent as a parent or legal guardian.

14. **Your obligations**

You are responsible for providing accurate, complete and up-to-date personal data, including any third-party personal data you provide. This obligation is a condition for us to provide our products and/ or services to you, or for the evaluation of your employment application.

It is obligatory to provide your personal data to enable us to process it for the Purposes. Should you decline to provide such personal data, it may, amongst others, prevent us from communicating or continuing to communicate with you, or affect our ability to provide you with certain products and/ or services, or affect the evaluation of your employment application.

If you provide personal data on behalf of others (e.g. family members), you confirm and represent that you have informed them of this Notice and have their consent or legal authority to disclose their personal data to us for us to process in accordance with the terms of this Notice.

15. **Security of your personal data**

SMD when processing your personal data, takes practical steps to protect your personal data from any loss, misuse, modification, unauthorised or accidental access or disclosure, alteration or destruction including but not limited to:

- (a) Implementing appropriate security practices and policies such as encryption of personal data.
- (b) Periodically reviewing and updating our security practices and policies.
- (c) Entering into appropriate contracts with third parties to ensure that security measures are in place.

16. **Retention of your personal data**

SMD will keep your personal data for the duration that is necessary to carry out the purpose for which your personal data was collected and also for the other purposes set out in this Notice. We will take all reasonable steps to ensure that your personal data is destroyed or permanently deleted once it is no longer required for the purpose for which it was to be processed.

17. **Cookies**

Cookies are packets of information stored in your computer or device which assist your website navigation by customising site information tailored to your needs. The cookies will not collect personal data that could be used to identify a specific user. You may configure your browser to notify you of cookies and to prevent installation of cookies on your computer.

18. **Links to other websites**

When you use a link from our website to another third-party website, this Notice is no longer in effect. Once you have used such link, we do not have any control over that other third-party website and we cannot and shall not be liable or responsible for the protection and privacy of any personal data which you provided whilst visiting such website(s). Your browsing of and interaction on any other third-party website(s) will be subject to that websites' own rules and policies.

19. **Contact us**

You may submit your complaints, data access request, and data portability request, request to limit the processing of your personal data, request to withdraw your consent for the processing of your personal data, and any enquiries regarding your personal data by contacting:

Data Protection Officer

Name : Daryll Yeo Ying Yan
Telephone : +60 3 9130 5088
Email : dpo_properties@ppb.com.my
Address : PPB Hartabina Sdn Bhd
7th Floor, Cheras Plaza,
No. 11, Jalan Manis 1,
Taman Segar, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia

In accordance with the PDPA, SMD may charge a reasonable fee for the processing of any data access, data portability request. The chargeable fee will take into account the time needed for verifying, locating, retrieving, reviewing and copying the information requested as well as any other associated costs and expenses that may arise from conducting such retrieval. You will be notified of the anticipated fee chargeable, prior to the retrieval of your Personal Data.

20. **Usage tracking and Log Files**

Our web server automatically collects information on your domain type, browser used and your IP address for statistical purposes only, which will be used to improve the content of our website and not sold to other organisations for any purpose.

As with most other websites, SMD collects and uses the data contained in log files. The information in the log files include your IP (internet protocol) address, your ISP (internet service provider), the browser you used to visit our website, your screen resolutions and number of colours, the time you visited the website and which pages you have visited throughout our website.

21. **Inconsistency or conflict**

In the event of any inconsistency or conflict between the English language version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English language version shall prevail.

22. **Other rights**

For avoidance of doubt, nothing in this Notice shall limit such other rights of yourself or SMD under the PDPA.

Notis Perlindungan Data Peribadi **Southern Marina Development Sdn Bhd**

1. Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("**Notis**") menerangkan bagaimana Southern Marina Development Sdn Bhd (secara kolektif dirujuk sebagai "**SMD**", "**kami**", "**kita**" atau "**milik kami**") memproses data peribadi anda berhubung dengan urusan niaga komersial selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**") dan undang-undang lain yang terpakai di Malaysia. Istilah "data peribadi", "pemprosesan" dan "urusan niaga komersial" yang digunakan dalam Notis ini hendaklah mempunyai maksud seperti yang ditetapkan dalam PDPA.
2. Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan dan pemprosesan data peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami juga boleh memproses data peribadi anda jika dan setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang.
3. Kami berhak untuk meminda Notis ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa serta-merta selepas diterbitkan di laman web kami (https://www.southernmarina.com.my/wp-content/themes/southern-marina/assets/pdf/SMR_PrivacyPolicy.pdf) dan/ atau melalui saluran lain yang munasabah seperti di pejabat jualan kami atau melalui komunikasi langsung. Anda bersetuju untuk menyemak Notis ini dari semasa ke semasa dan menerima serta bersetuju untuk terikat dengan sebarang pindaan tersebut.
4. Jika anda berumur di bawah 18 tahun, anda mesti memastikan bahawa ibu bapa atau penjaga sah anda memberikan kebenaran untuk pemprosesan data peribadi anda oleh kami seperti yang diterangkan dalam Notis ini. Jika anda adalah individu yang bawah umur yang telah menggunakan produk atau perkhidmatan kami dengan kebenaran ibu bapa atau penjaga sah dan kini telah mencapai umur 18 tahun, anda mengakui dan bersetuju dengan terma Notis ini dengan meneruskan penggunaan produk atau perkhidmatan kami.

5. Adakah Notis ini Terpakai kepada Anda?

Notis ini terpakai kepada anda jika:

- 5.1 Anda adalah pelanggan dan/ atau bakal pelanggan; atau
- 5.2 Anda adalah ahli keluarga kepada pelanggan yang data peribadinya diproses semasa penyediaan perkhidmatan kepada pelanggan; atau
- 5.3 Anda membuat pertanyaan mengenai produk dan/atau perkhidmatan kami, menyertai acara promosi dan/ atau peraduan kami, menggunakan laman web, melawat atau mengakses mana-mana premis/ kemudahan yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh kami, sekutu SMD (ditakrifkan dalam perenggan 7.1(c) di bawah) atau bagi pihak kami ("**Premis Kami**"); atau

(secara kolektif dirujuk sebagai "**Pelanggan**")
- 5.4 Anda memohon pekerjaan dengan SMD (dirujuk sebagai "**Pemohon Kerja**") atau merupakan ahli keluarga kepada Pemohon **Kerja** yang datanya diproses semasa permohonan pekerjaan.

6. Jenis Data Peribadi

"**Data peribadi**" ditakrifkan dalam PDPA dan merujuk kepada sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, yang mana anda boleh dikenal pasti.

6.1 **Pelanggan:**

Data peribadi yang dikumpul dan/ atau diberikan secara sukarela oleh anda semasa urusan anda dengan kami dalam apa jua cara termasuk berkaitan dengan sebarang urusan niaga komersial dan/ atau komunikasi yang dibuat daripada/ dengan kami seperti di acara yang dianjurkan atau disertai oleh SMD, dalam borang, perjanjian, laman web kami dan/atau dokumen lain yang serupa mungkin termasuk:

- (a) Butiran peribadi anda (seperti nama, umur, tarikh lahir, jantina, salinan Kad Pengenalan Pendaftaran Negara Malaysia ("**NRIC**"), nombor NRIC, salinan pasport, nombor pasport, salinan sijil perkahwinan, butiran akaun bank, butiran kad kredit, butiran pinjaman, bangsa, asal etnik, kewarganegaraan dan foto);
- (b) Butiran hubungan (seperti alamat, e-mel dan nombor telefon);
- (c) Maklumat keluarga (seperti status perkahwinan, nama pasangan atau anak atau keluarga terdekat);
- (d) Butiran pekerjaan;
- (e) Gambar dan imej serta rakaman CCTV;
- (f) Nama pembekal perkhidmatan internet, laman web dari mana anda melawati laman web kami, halaman-halaman dan kandungan yang anda lihat, tarikh dan jangka masa lawatan anda, "cookies" untuk mengetahui kekerapan cara penggunaan, dan lain-lain, dari alat-alat analitik seperti Google Analytics; dan
- (g) Sebarang maklumat peribadi lain yang diberikan oleh anda tanpa mengira sama ada maklumat tersebut diberikan atas permintaan SMD.

6.2 **Pemohon Kerja:**

- (a) Butiran peribadi termasuk nama, umur, nombor telefon, alamat e-mel, alamat, nombor NRIC, nombor pasport, salinan kad pengenalan atau pasport, kewarganegaraan, jantina, agama, bangsa;
- (b) Maklumat keluarga seperti status perkahwinan, butiran ahli keluarga dan waris terdekat;
- (c) Maklumat berkaitan pekerjaan seperti sejarah pekerjaan, jawatan atau kedudukan, lokasi pekerjaan, penerangan peranan, tarikh pekerjaan, rujukan pekerjaan;
- (d) Data peribadi sensitif termasuk kepercayaan agama, butiran keadaan fizikal atau mental, pandangan politik dan rekod sabitan jenayah;
- (e) Imej anda melalui kamera CCTV di Premis Kami; dan
- (f) Sebarang maklumat lain yang diberikan oleh anda dalam resume atau kurikulum vitae.

7. **Tujuan-tujuan Pemprosesan Data Peribadi Anda**

SMD akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang anda mungkin berikan kemudian, untuk tujuan-tujuan berikut ("**Tujuan-tujuan**"), yang termasuk:

7.1 Pelanggan:

- (a) Memberikan anda produk dan/ atau perkhidmatan kami, termasuk:
 - (i) Menyediakan dan melaksanakan semua dokumen dan perjanjian yang diperlukan dengan anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada perjanjian jual beli, akta perjanjian bersama, perjanjian sewa, dll) dan melaksanakan kewajiban-kewajiban di bawah perjanjian tersebut;
 - (ii) Berurusan dengan ejen bank anda berkenaan dengan pembiayaan yang diambil oleh anda untuk membeli produk kami;
 - (iii) Berurusan dengan agensi insurans anda untuk memastikan bahawa anda dilindungi dengan sewajarnya oleh insurans yang berkaitan;
 - (iv) Melakukan pemeriksaan latar belakang anda dengan institusi kewangan yang berkaitan dan agensi rujukan/ kredit;
 - (v) Menjalankan dan mentadbir perniagaan kami seperti untuk tujuan pentadbiran jualan atau pengurusan hartanah;
- (b) Menyimpan rekod pelanggan dan bakal pelanggan kami serta untuk tujuan penyimpanan rekod dalaman kami;
- (c) Berkomunikasi dengan anda mengenai (i) sebarang acara atau aktiviti yang dianjurkan oleh SMD atau syarikat induknya, syarikat berkaitan anak-anak syarikat (jika ada) ("**Sekutu SMD**") atau rakan kongsi perniagaan; atau (ii) pembayaran; atau (iii) pertanyaan dan aduan anda atau untuk menyelesaikan pertikaian;
- (d) Menyampaikan notis dan maklumat berkaitan dengan perkhidmatan atau produk semasa dan masa depan kami serta pemasaran perkhidmatan atau produk tersebut serta pelancaran produk baharu, acara, acara promosi dan peraduan, tertakluk kepada hak anda untuk memilih keluar;
- (e) Tujuan-tujuan yang berkaitan secara langsung dengan urusan niaga komersial yang dimeterai dengan SMD bagi penyediaan sebarang produk dan/ atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami atau sekutu SMD;
- (f) Menjalankan aktiviti pemasaran, pemprofilan pelanggan dan pembangunan perniagaan serta penyelidikan pasaran dan analisis statistik serta tinjauan pelanggan mengenai projek, produk dan/ atau perkhidmatan kami;
- (g) Memberikan akses kepada mana-mana premis/ kemudahan yang berkaitan, termasuk tanpa had kepada Premis Kami;
- (h) Mematuhi keperluan undang-undang atau peraturan, termasuk:
 - (i) Pematuhan peraturan, termasuk pematuhan kepada peraturan industri seperti yang berkaitan dengan perlindungan data, perlindungan pengguna, dan anti-pengubahan wang haram;
 - (ii) Kerjasama dengan penguatkuasaan undang-undang, termasuk membantu agensi penguatkuasaan undang-undang dalam penyiasatan, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang; dan
 - (iii) Penyelesaian pertikaian, termasuk menyelesaikan pertikaian dengan pelanggan dan rakan kongsi kami;
- (i) Memastikan keselamatan anda termasuk keselamatan pelanggan/ pengunjung kami yang lain;

- (j) Menjalankan program kesetiaan pelanggan jika berkenaan;
- (k) Di mana anda telah memberi kebenaran atau kami dibenarkan untuk berbuat demikian:
 - (i) untuk berkomunikasi dengan anda dan menghantar maklumat yang diminta oleh anda kepada anda dan/ atau, dalam sesetengah kes, adalah tertuju kepada minat anda, seperti iklan banner berbentuk sasaran, notis pentadbiran, tawaran produk, dan komunikasi yang berkaitan dengan penggunaan laman web kami;
 - (ii) untuk memberitahu dan/ atau menjemput anda ke acara-acara atau aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh kami, Sekutu SMD , sekutu-sekutu perniagaan atau penganjur-penganjur;
 - (iii) untuk memberitahu anda tentang manfaat-manfaat, perubahan-perubahan kepada ciri-ciri, promosi-promosi, pemberitahuan, surat berita, penggemaskinian, bahan-bahan promosi dan hak-hak istimewa yang khusus;
 - (iv) untuk menghantar kepada anda ucapan-ucapan perayaan;
 - (v) untuk menjalankan aktiviti pemasaran dan promosi (contohnya, pertandingan, kajian pasaran dan tinjauan, pengambilan gambar dan video anda di Premis Kami);
 - (vi) untuk menjalankan analisis pelanggan kami untuk memastikan kami menghantar bahan pemasaran dan promosi yang paling sesuai dan relevan kepada anda; dan
- (l) Sebarang tujuan-tujuan lain yang berkaitan atau berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.

7.2 Pemohon Kerja:

- (a) Untuk menilai kesesuaian anda bagi jawatan yang dipohon di SMD, untuk tujuan penyimpanan rekod umum Jabatan Sumber Manusia;
- (b) Untuk sebarang pemeriksaan latar belakang ke atas pemohon pekerjaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesahan pendidikan, semakan rekod pekerjaan terdahulu, semakan rujukan, sejarah kebangkrapan, dan/atau saringan latar belakang jenayah; dan
- (c) Tujuan-tujuan lain yang berkaitan atau berkaitan dengan pekerjaan di SMD , sama ada anda kemudiannya diambil bekerja atau tidak.

8. Sumber Data Peribadi Anda

Data peribadi anda dikumpulkan daripada anda apabila anda:

8.1 Pelanggan:

- (a) Berkomunikasi dengan kami (contohnya apabila anda menghantar borang permintaan dengan data peribadi anda atau apabila anda menghubungi kami dengan sebarang pertanyaan);
- (b) Menggunakan produk dan/ atau perkhidmatan kami;
- (c) Menyertai sebarang tinjauan, promosi, pertandingan, peraduan atau program kesetiaan yang dianjurkan oleh kami;
- (d) Membalas sebarang bahan pemasaran yang kami hantar;

- (e) Melawat Premis Kami (termasuk melalui rakaman CCTV);
- (f) Melayari laman web kami atau melawati sebarang platform-platform lain yang dimiliki oleh kami serta melalui "cookie" yang disemat di laman web atau mana-mana mekanisme penjejakan lain yang mungkin digunakan dari semasa ke semasa;
- (g) Berinteraksi dengan kami melalui e-mel dan platform media sosial kami;
- (h) Daftar minat dengan kami di laman web kami;
- (i) Mengemukakan aduan kepada kami; dan
- (j) Memberikan maklum balas kepada kami.

8.2 Pemohon Kerja:

- (a) Menggunakan atau berinteraksi dengan kami di laman web kami;
- (b) Mengemukakan maklumat kepada kami atau apabila anda menghubungi kami untuk mendapatkan maklumat; dan
- (c) Memohon pekerjaan.

Selain daripada data peribadi yang kami perolehi daripada anda (seperti yang dinyatakan di atas), kami juga mungkin memperoleh data peribadi anda daripada pihak ketiga yang kami berurusan atau yang berkaitan dengan anda (contohnya, agensi rujukan/ kredit), dan daripada sumber lain di mana anda telah memberikan kebenaran untuk pendedahan data peribadi yang berkaitan dengan anda, dan/ atau di mana dibenarkan oleh undang-undang.

9. Kelas Pihak Ketiga yang Didedahkan oleh SMD

Kelas orang yang mana SMD mungkin mendedahkan data peribadi anda termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Sekutu SMD;
- (b) Peguam atau juruaudit SMD;
- (c) Mana-mana orang atau pihak yang bertindak sebagai ejen, kontraktor, penyedia perkhidmatan dan/ atau penasihat profesional SMD;
- (d) Peguam yang diberi kuasa oleh kami dan anda, pembiaya, peguam pembiaya, wakil undang-undang dan/ atau pihak lain yang terlibat;
- (e) Pemilik tanah yang berkaitan, badan pengurusan bersama, perbadanan pengurusan dan/atau persatuan penduduk;
- (f) Badan pengawalseliaan, agensi kerajaan, polis, badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan di luar Malaysia;
- (g) Penanggung insurans anda;
- (h) Agensi pelaporan kredit dan agensi pemeriksaan latar belakang;
- (i) Pihak ketiga lain untuk sebarang Tujuan-tujuan; dan
- (j) Pemberi-pemberi perkhidmatan pihak ketiga untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran, komunikasi, pembayaran, pengurusan acara, keselamatan, teknologi maklumat (IT), pemprosesan data atau perkhidmatan lain kepada SMD atau Sekutu SMD;
- (k) Orang atau badan yang mana SMD dikehendaki oleh undang-undang untuk mendedahkan kepada.

10. Pemindahan Data Peribadi Anda ke Tempat di Luar Malaysia

SMD mungkin, jika perlu, memindahkan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia jika kelas orang dalam perenggan 9 di atas terletak atau mempunyai kemudahan pemprosesan di negara di luar Malaysia. Data peribadi anda mungkin dipindahkan ke mana-mana tempat di luar Malaysia untuk sebarang Tujuan-tujuan di atas. Anda bersetuju dengan pemindahan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia dalam keadaan ini. Kami juga mungkin memindahkan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia di mana dibenarkan oleh undang-undang.

11. Hak Anda untuk Mengakses, Membetulkan dan Memindahkan Data Peribadi Anda

Anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada data peribadi yang berada dalam milikan kami, atau untuk membetulkan data peribadi tersebut.

Anda juga boleh meminta data peribadi anda dipindahkan kepada entiti lain tertakluk kepada keupayaan teknikal, kebolehlaksanaan dan keserasian kami dengan entiti penerima.

Anda boleh membuat permintaan tersebut dengan menghubungi kami secara bertulis menggunakan butiran yang dinyatakan di bawah.

Kami mungkin menolak permintaan anda untuk akses data, pembetulan data, atau pemindahan data, tetapi kami akan memaklumkan kepada anda sebab-sebab kami tidak dapat berbuat demikian.

12. Hak Anda untuk Membuat Pilihan terhadap Data Peribadi Anda

Anda boleh menggunakan hak anda untuk mengehadkan penggunaan atau tahap penggunaan data peribadi anda dan data peribadi yang berkaitan dengan orang lain yang boleh dikenal pasti daripada data tersebut, tertakluk kepada hak kontrak kami dan/atau hak dan kewajipan kami di bawah undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Anda juga boleh menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda. Walau bagaimanapun, penarikan balik ini mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk menyediakan produk dan/ atau perkhidmatan tertentu kepada anda, atau menghalang kami daripada berkomunikasi atau terus berkomunikasi dengan anda, atau menjejaskan penilaian permohonan pekerjaan anda.

Tanpa menjejaskan perkara di atas, kami berhak untuk bergantung kepada sebarang pengecualian statutori dan/ atau pengecualian lain untuk mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi anda.

Permintaan anda hendaklah dibuat secara bertulis atas sebab keselamatan dan tujuan pengesahan.

Anda boleh membuat permintaan tersebut dengan menghubungi kami menggunakan butiran yang dinyatakan di bawah.

13. Data Peribadi Kanak-Kanak

Untuk membolehkan anak anda menyertai promosi, peraduan atau aktiviti lain yang berkaitan, atau apabila anda memberikan data peribadi anak anda berkaitan dengan produk dan/ atau perkhidmatan kami atau permohonan pekerjaan anda, kami mungkin perlu mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi anak anda seperti yang diterangkan dalam Notis ini.

Kami juga mungkin mengumpul maklumat seperti yang diterangkan dalam Notis ini seperti butiran hubungan anda termasuk nama, nombor pengenalan, nombor telefon bimbit atau alamat e-mel, untuk mengesahkan status anda sebagai ibu bapa atau penjaga sah dan untuk mendapatkan persetujuan anda sebagai ibu bapa atau penjaga sah.

14. Tanggungjawab Anda

Anda bertanggungjawab untuk memberikan data peribadi yang tepat, lengkap dan terkini, termasuk sebarang data peribadi pihak ketiga yang anda berikan. Kewajipan ini adalah syarat untuk kami menyediakan produk dan/ atau perkhidmatan kepada anda, atau untuk penilaian permohonan pekerjaan anda.

Adalah wajib untuk memberikan data peribadi anda bagi membolehkan kami memprosesnya untuk Tujuan-tujuan. Sekiranya anda enggan memberikan data tersebut, ia mungkin menghalang kami daripada berkomunikasi atau terus berkomunikasi dengan anda, atau menjejaskan keupayaan kami untuk menyediakan produk dan/ atau perkhidmatan tertentu, atau menjejaskan penilaian permohonan pekerjaan anda.

Jika anda memberikan data peribadi bagi pihak orang lain (contohnya ahli keluarga), anda mengesahkan dan menyatakan bahawa anda telah memaklumkan mereka tentang Notis ini dan telah mendapat persetujuan mereka atau mempunyai kuasa sah untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada kami untuk diproses mengikut terma Notis ini.

15. Keselamatan Data Peribadi Anda

SMD, semasa memproses data peribadi anda, mengambil langkah-langkah praktikal untuk melindungi data peribadi anda daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan yang tidak dibenarkan atau tidak disengajakan, perubahan atau pemusnahan termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) Melaksanakan amalan dan dasar keselamatan yang sesuai seperti penyulitan data peribadi;
- (b) Menyemak dan mengemas kini amalan dan dasar keselamatan kami secara berkala;
- (c) Memasuki kontrak yang sesuai dengan pihak ketiga untuk memastikan langkah keselamatan dilaksanakan.

16. Penyimpanan Data Peribadi Anda

SMD akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh yang diperlukan bagi melaksanakan tujuan data tersebut dikumpulkan dan juga untuk tujuan lain yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan data peribadi anda dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal apabila ia tidak lagi diperlukan.

17. “Cookies”

“Cookies” adalah paket maklumat yang disimpan dalam komputer atau peranti anda yang membantu navigasi laman web dengan menyesuaikan maklumat laman mengikut keperluan anda. “Cookies” tidak akan mengumpul data peribadi yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pengguna tertentu. Anda boleh mengkonfigurasi pelayar anda untuk memaklumkan tentang “cookies” dan untuk menghalang pemasangan “cookies” pada komputer anda.

18. Hubungan-hubungan kepada laman web lain

Apabila anda menggunakan pautan dari laman web kami ke laman web pihak ketiga, Notis ini tidak lagi berkuatkuasa. Setelah anda menggunakan pautan tersebut, kami tidak mempunyai sebarang kawalan ke atas laman web pihak ketiga tersebut dan kami tidak boleh dan tidak akan bertanggungjawab terhadap perlindungan dan privasi mana-mana data peribadi yang anda berikan semasa melawati laman web tersebut. Aktiviti pelayaran dan interaksi anda atas laman web pihak ketiga adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan polisi-polisi laman web tersebut.

19. Hubungi Kami

Anda boleh mengemukakan aduan, permintaan akses data, permintaan pembetulan data, permintaan pemindahan data, permintaan untuk mengehadakan pemprosesan data peribadi anda, permintaan untuk menarik balik persetujuan anda, dan sebarang pertanyaan mengenai data peribadi anda dengan menghubungi:

Pegawai Perlindungan Data (DPO)

Nama : Daryll Yeo Ying Yan
Nombor telefon : +60 3 9130 5088
Alamat e-mel : dpo_properties@ppb.com.my
Alamat pos : PPB Hartabina Sdn Bhd
7th Floor, Cheras Plaza,
No. 11, Jalan Manis 1,
Taman Segar, Cheras,
56100 Kuala Lumpur, Malaysia

Selaras dengan PDPA, SMD boleh mengenakan bayaran yang munasabah untuk memproses sebarang permintaan akses data atau pemindahan data. Bayaran ini akan mengambil kira masa yang diperlukan untuk pengesahan, pencarian, pengambilan, semakan dan penyalinan maklumat yang diminta serta sebarang kos dan perbelanjaan lain yang berkaitan. Anda akan dimaklumkan mengenai anggaran bayaran sebelum data peribadi anda diambil.

20. Penjejakan penggunaan dan Fail Log

Pelayan web kami secara automatik mengumpul maklumat mengenai jenis domain anda, pelayar yang digunakan dan alamat IP anda untuk tujuan pengumpulan statistik sahaja. Statistik tersebut akan digunakan untuk menambah baik kandungan laman web kami dan tidak akan dijual kepada mana-mana organisasi.

Seperti laman web yang lain, SMD akan mengumpul dan menggunakan data dalam fail log. Maklumat dalam fail log termasuk alamat IP (protokol internet) anda, ISP (pembekal perkhidmatan internet) anda, pelayan web yang digunakan untuk lawati laman web kami, resolusi dan jumlah warna skrin, masa lawatan ke laman web kami, serta laman yang anda lawati semasa anda melayari laman web kami.

21. Ketidakkonsistenan atau Konflik

Sekiranya terdapat sebarang ketidakkonsistenan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

22. Hak Lain

Untuk mengelakkan keraguan, tiada apa-apa dalam Notis ini yang akan mengehadakan hak lain anda atau SMD di bawah PDPA.
